

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1995/96

Mac/April 1996

YUP 402 - Periklanan Peringkat Maju

Masa: 2 jam

Jawab **TIGA** (3) soalan.

1. Huraikan strategi segmentasi pasaran dan cara-cara membina strategi segmentasi ini. Aplikasikan satu strategi segmentasi pasaran dalam merancangkan pemasaran untuk produk dairi elektronik (Pocket organizer).

(100 markah)

2. Lia Sari, seperti Mustika Ratu adalah sebuah syarikat pengeluar produk kecantikan dan penjagaan kulit untuk wanita yang menggunakan ramuan herba asli. Lia Sari telah mencipta sejenis gincu bibir yang tahan lama dan tidak kalis air. Ia mengandungi bahan yang membuatkan bibir sentiasa kelihatan segar dan basah. Cadangkan "positioning" (perletakan) yang sesuai untuk gincu ini di samping membincangkan pendekatan-pendekatan "positioning" yang lain.

(100 markah)

3. Dalam pendekatan belanjawan periklanan terdapat beberapa kaedah memperuntukkan belanjawan periklanan. Bincangkan kaedah-kaedah ini dengan memberikan faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan belanjawan.

(100 markah)

4. Lever Brothers, sebuah syarikat pengeluar barangang pengguna telah menghasilkan sabun pencuci cecair yang radikal. Ia dinamai "Jazz". Berikut ialah ciri-ciri sabun Jazz:

- a. Kandungan "bleach" yang dapat menghilangkan semua jenis kotoran degil.
- b. Ia berubat yang boleh membunuh kuman.
- c. Dipasarkan dalam bentuk pekat (concentrates) yang menjimatkan.
- d. "Colour Guards" yang memelihara warna pakaian.
- e. Mengandungi haruman yang menyegarkan.
- f. Melembutkan tangan.
- g. Pakejnya boleh dikitar semula.

Cadangkan beberapa premis jualan yang sesuai untuk produk ini berpandukan ciri-ciri di atas. Berikan dua prinsip mencipta tajuk dan tiga prinsip mencipta badan kop. Dengan menggunakan prinsip-prinisp yang telah dibincangkan serta ciri-ciri produk di atas, cadangkan tajuk dan badan kop untuk produk Jazz.

(100 markah)

-oooOooo-